



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA
ENCIK TEY CHEE YAN
SEORANG PENGURUS RESORT GUNUNG LEDANG
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGURUS RESORT
GUNUNG LEDANG**

NUR HAMIRA SYAFIQA ADLIN BT ABDULLAH

2021118113

MIZA MIZANI BINTI MOHD NAZRAN

2021149505

SEMESTER MARCH 2022-OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT (M/S)
	Abstrak	i-ii
	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	iv
	Senarai Singkatan	v
	Rujukan Kata	vi-vii
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada Tokoh	3-4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	6
	3.3 Objektif Kajian	6
	3.4 Kepentingan Sejarah Lisan	6-7
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Kearifan Tempatan	8-10
	4.2 Puteri Gunung Ledang	11-14
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	15-178
6.0	Log Temubual	179-197
7.0	Ralat	198
8.0	Glosari	199-203
9.0	Indeks	204-208
10.0	Bibliografi	209-218

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang responden yang merupakan seorang pengarah urusan yang pertama di Resort Gunung Ledang, Tangkak, Johor, Malaysia. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang responden, projek sejarah lisan ini akan mengungkap kebenaran sebenar tentang kisah Lagenda Puteri Gunung Ledang yang sering dikaitkan dengan kisah mistik dan mitos dan juga sejarah penubuhan Resort Gunung Ledang. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi pada era globalisasi ini tidak mengetahui tentang kisah-kisah lagenda yang terdapat di Malaysia terutama Lagenda Puteri Gunung Ledang. Bermula dari kisah sejarah penghijrahan Puteri Gunung Ledang tersebut, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang asal usul Puteri Gunung Ledang, tujuh syarat, versi cerita dan sifat peribadi. Isu-isu yang berkaitan tentang sejarah penubuhan Resort Gunung Ledang yang bermula pada tahun 1992 turut juga difokuskan. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Tey Chee Yan, malah ianya juga diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang dilakukan. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang mengetahui lebih lanjut dan mendalam tentang kisah Lagenda Puteri Gunung Ledang.

Kata Kunci : Lagenda Puteri Gunung Ledang, Resort Gunung Ledang, Mistik, Mitos, Sejarah Lisan

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, pertama sekali kami ingin mengucapkan alhamdulillah dan syukur terhadap Allah S.W.T kerana mengurniakan Nur Hamira Syafiqah Adlin Bt Abdullah dan Miza Mizani Binti Mohd Nazran dan masa dan kudrat yang cukup untuk kami menyiapkan Transkrip Temu Bual Bersama Encik Tey Chee Yan iaitu Pengurus Resort Gunung Ledang mengenai Kisah Lagenda Puteri Gunung Ledang. Sesungguhnya Kau lah yang maha pemberi dan tanpa keizinan-Mu kami tidak mampu menyiapkan transkrip ini dengan sempurna.

Keduanya, kami mahu mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami yang dikasihi iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin. Segala bimbingan dan dorongan yang diberikan oleh beliau amatlah membantu kami untuk melakukan tugas ini dengan lancar. Tidak lupa juga kedua insan yang teramat penting dalam hidup kami iaitu kedua ibu bapa kami. Juataan terima kasih diucapkan kerana menjadi semangat untuk kami terus berusaha melakukan yang terbaik dalam apa jua kami lakukan. Tidak lupa juga dorongan dan sokongan yang mereka berikan dari segi kewangan bagi meringankan beban kami dalam menyelesaikan transkrip temu bual ini.

Bagi Encik Tey Chee Yan iaitu responden yang dipilih, terima kasih kami ucapkan kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau mengenai Kisah Lagenda Puteri Gunung Ledang. Tanpa beliau, semestinya tugas ini tidak dapat dijalankan. Begitu juga bimbingan dan tunjuk ajar rakan-rakan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, jasa kalian amatlah kami hargai. Kepada semua yang terlibat dalam membantu kami bagi menyiapkan tugas ini, semoga jasa baik kalian semua dibalas dengan sesuatu yang sangat indah dan semoga dipermudahkan segala urusan kalian dalam apa juga yang dilakukan.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
LDP	Liberal Democratic Party
MCO	Movement Control Order
PGL	Puteri Gunung Ledang
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SOP	Standard of Procedure
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TV	Television
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UM	Universiti Malaya
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia